

Summary of the First Meeting of Partners

USAHASAMA UNTUK PEMULIHARAAN BURUNG AIR MIGRASI DAN PENGUNAAN SECARA LESTARI HABITAT MEREKA DI ‘FLYWAY’ ASIA TIMUR – AUSTRALASIA

Bogor, Indonesia, 6 – 9 November 2006

RINGKASAN MESYUARAT PERTAMA AHLI-AHLI USAHASAMA

Pelancaran dan Mesyuarat Pertama Ahli Usahasama ‘Flyway’ Asia Timur – Australasia telah diadakan di Bogor, Indonesia pada 6 – 9 November 2006. Mesyuarat-mesyuarat ini dianjurkan oleh Ketua Pengarah bahagian Perlindungan Hutan dan Pemuliharaan Alam Sekitar dari Kementerian Perhutanan, Kerajaan Indonesia.

Pelancaran Usahasama dan Mesyuarat Pertama Ahli-Ahli Usahasama dihadiri oleh wakil-wakil dari Kerajaan Negara Australia, India, Indonesia, Jepun, Myanmar, Filipina, Republik Korea, Rusia, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat, dan wakil-wakil dari Urus Setia Konvensyen Spesies burung migrasi, Urusetia Konvensyen Ramsar, Australasian Wader Studies Group, Birdlife International, International Crane Foundation, Japan Association for Wild Geese Protection, Wetlands International, Wild Bird Society of Japan dan WWF. Negara China, Kemboja, IUCN dan UNEP memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri mesyuarat tersebut.

Pelancaran Usahasama, pada 6 November, amat berjaya dan dirayakan secara besar-besaran. dan Negara Australia, Indonesia, Jepun, Myanmar, Filipina, Republik Korea, Rusia, Singapura, Amerika Syarikat, Konvensyen Ramsar, Konvensyen Mengenai Spesies Berhijrah, Australasia Wader Studies Group, International Crane Foundation, Wetlands International dan WWF telah menyokong teks Usahasama, setelah menyetujui kepada beberapa perubahan editorial yang dicadangkan oleh kerajaan-kerajaan negara Australia, Amerika Syarikat dan Wetlands International. IUCN telah menyampaikan sokongan secara bertulis kepada Urusetia.

Pada mesyuarat pertama, Ahli-Ahli Usahasama bersetuju untuk menggunakan sistem giliran bagi pemilihan jawatan Pengerusi. Timbalan Pengerusi akan menjadi Pengerusi mengikut giliran seterusnya. Australia telah dilantik sebagai Pengerusi Usahasama selama dua tahun yang pertama dan Republik Korea dilantik sebagai Timbalan Pengerusi untuk tahun pertama.

Ahli-Ahli bersetuju untuk mengadakan Mesyuarat setiap tahun, sekurang-kurangnya pada lima tahun pertama Usahasama ini.

Ahli-Ahli Usahasama telah bersetuju untuk menggunakan langkah-langkah bagi memilih kawasan untuk dimasukkan ke dalam Jaringan kawasan ‘Flyway’, dan juga bagi peralihan

Summary of the First Meeting of Partners

kawasan dari jaringan-jaringan kawasan untuk burung bangau, burung persisiran pantai dan Anatidae yang dibentuk di bawah Strategi Burung Air Migrasi Asia-Pacifik.

Ahli-Ahli telah mengadakan satu perbincangan yang sangat berhasil mengenai draf Strategi Pelaksanaan dan telah menerima Strategi tersebut. Ahli-Ahli telah menggariskan berbagai aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2007 untuk memajukan keputusan-keputusan yang telah dikenalpasti dalam Strategi Pelaksanaan.

Ahli-Ahli bersetuju bahawa satu Urusetia amat diperlukan untuk menguruskan Usahasama ini dan telah menyediakan Terma Rujukan Tugas bagi Urusetia dan belanjawan yang diperlukan.

Ahli-Ahli Usahasama bersetuju supaya Australia meneruskan khidmat sebagai Urusetia sementara sehingga satu Urusetia dilantik oleh kerajaan-kerajaan yang membiayai pentadbiran Usahasama ini. Kerajaan Negara Australia, Republik Korea, Jepun dan Amerika Syarikat akan menyumbangkan sumber kewangan untuk pengurusan Urusetia.

Ahli-Ahli Usahasama bersetuju supaya kumpulan-kumpulan kerja untuk Burung persisiran Pantai, Anatidae dan Bangau yang telah dibentuk di bawah Strategi Burung Air Migrasi Asia-Pacifik diteruskan dengan beberapa perubahan kepada Terma Rujukan Tugas sesuai dengan matlamat Usahasama. Kumpulan-kumpulan Kerja telah diminta untuk menyediakan draf Terma Rujukan Tugas yang disemak dan menyampaikannya pada Mesyuarat kedua Ahli-Ahli untuk dipertimbangkan.

Ahli-Ahli Usahasama mengalu-alukan pembentukan Kumpulan Kerja Selesema Burung di bawah Jawatankuasa Pemuliharaan Burung Air Migrasi sebagai Kumpulan Kerja kekal di bawah Usahasama ini.

Ahli-Ahli Usahasama telah membentuk satu Kumpulan Kerja sementara untuk menghasilkan Plan Komunikasi bagi Usahasama ini sebelum akhir tahun 2007.

Setelah diteliti dengan lebih mendalam, Usahasama ini bersetuju untuk memasukkan empat famili burung laut ke dalam Lampiran III dan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan untuk pembentukan Kumpulan Kerja Burung Laut pada mesyuarat yang akan datang.

Ahli-Ahli Usahasama membentuk satu kumpulan tugas untuk menghasilkan panduan laporan bagi membantu Ahli menyediakan laporan tahunan mengenai kemajuan pelaksanaan Usahasama. Ahli-Ahli menegaskan bahawa laporan harus fokus kepada pengumpulan maklumat untuk menunjukkan pencapaian Usahasama tanpa memberi kerumitan kepada Ahli-Ahli.

Summary of the First Meeting of Partners

Ahli-Ahli Usahasama bersetuju untuk bertemu lagi pada lewat tahun 2007. Pengerusi Usahasama bertanggungjawab untuk menghubungi China dan Singapura sebagai calon tuan rumah bagi mesyuarat selanjutnya.

Pengerusi Usahasama telah merakamkan terima kasih kepada semua peserta atas penglibatan yang aktif di dalam perbincangan-perbincangan sewaktu mesyuarat dijalankan. Pengerusi juga menyampaikan penghargaan kepada Ketua Pengarah bahagian Perlindungan Hutan dan Perlindungan Alam dari Kementerian Perhutanan, Indonesia, yang telah menjadi tuan rumah dan kepada Wetlands International dan Wild Bird Society of Japan atas sokongan yang baik kepada mesyuarat tersebut.

DRAFT